



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA  
Accountant General's Department Malaysia  
NEGERI PAHANG

Tingkat 1, Wisma Persekutuan  
25594 Kuantan, Pahang Darul Makmur  
MALAYSIA

Tel : 609-591 5000  
Faks : 609-516 4931  
Laman Web : <https://pahang.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/2/2 Jld.2 (46)

Tarikh : 15 Ogos 2024

**SURAT PERINGATAN PERTAMA**

**Senarai Edaran  
(Seperti di Lampiran A)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI VOT**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada para 4.5.1 Lampiran K: Garis Panduan Tatacara Penyelenggaraan Dan Semakan Laporan (**Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 5 tahun 2023**), PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan **Sijil Pengesahan baki di Lampiran K3** dan mengemukakan kepada AO selewat-lewatnya pada **14 haribulan bulan berikutnya**.

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Vot sehingga bulan Julai 2024 seperti di **Lampiran A**. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Vot bagi jabatan-jabatan di bawah seliaan JANM Pahang sehingga **bulan Julai 2024**.

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Vot kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Vot yang berstatus **TH (Tidak Hantar) dan K (Kuiri)**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan pegawai berikut:

- i) Puan Ros Lianatrah binti Aman Tubillah (09-5915021)
- ii) Puan Nurulhuda Binti Mohd Johari (09-5915021)
- iii) Puan Zilanurida Binti Hasan @ Shafie (09-5915026)

Sekian, terima kasih.

**“MALAYSIA MADANI”  
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“Memperkasa Budaya Inovasi Pendigitalan”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(FREDRICK GUPONG AK TAWAN C.A.(M), ACMA, CGMA)**  
Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Pahang